



SOALAN LAZIM

**LANJUTAN TEMPOH MASA PERALIHAN GARIS PANDUAN
'GUIDELINE FOR THE REPORTING FRAMEWORK FOR BENEFICIAL
OWNERSHIP OF LEGAL PERSONS' YANG AKAN BERAKHIR PADA
31 DISEMBER 2020**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Bilakah tarikh akhir perlanjutan tempoh peralihan yang baharu?	Tempoh peralihan yang akan berakhir pada 31 Disember 2020 akan dilanjutkan ke suatu tarikh suatu tarikh serentak dengan tarikh penguatkuasaan cadangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan).
2	Adakah syarikat/perkongsian liabiliti terhad perlu memohon perlanjutan tempoh peralihan tersebut?	Tiada keperluan untuk memohon perlanjutan tempoh tersebut memandangkan tempoh peralihan yang dilanjutkan adalah terpakai secara automatik kepada kesemua syarikat dan perkongsian liabiliti terhad.
3	Mengapakah tempoh peralihan ini dilanjutkan?	Perlanjutan tempoh peralihan ini diberikan bagi membolehkan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, setiausaha syarikat dan pegawai pematuhan untuk membiasakan diri dengan kerangka pelaporan pemunya benefisial dan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Garis Panduan tersebut.

		<p>Pada masa yang sama, perlanjutan tempoh peralihan akan memudahkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan berkenaan pemunyaan benefisial di bawah Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2020 dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2020.</p>
4	Adakah SSM akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan berkaitan di dalam Akta Syarikat 2016/Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Garis Panduan semasa perlanjutan tempoh peralihan?	<p>Melihat kepada kepentingan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial, SSM akan menjalankan pemeriksaan dalam tempoh perlanjutan ini bagi memastikan syarikat dan perkongsian liabiliti terhad mematuhi keperluan-keperluan berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial.</p> <p>Di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Pendaftar mempunyai kuasa untuk mengeluarkan garis panduan. Adalah menjadi satu kesalahan oleh mana-mana orang yang gagal mematuhi garis panduan tersebut dan tindakan boleh diambil di bawah seksyen 20E Akta yang sama.</p>
5	Apakah yang perlu dilakukan oleh syarikat/perkongsian liabiliti terhad semasa perlanjutan tempoh peralihan agar dapat mematuhi peruntukan-peruntukan berkaitan di dalam Akta Syarikat 2016/Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan juga Garis Panduan?	<p>Setiap entiti perlu meneruskan tindakan mengenal pasti dan mengesahkan pemunyaan benefisialnya dalam tempoh perlanjutan ini.</p> <p>Entiti tersebut perlu menyimpan maklumat pemunyaan benefisial yang tepat dan terkini yang disimpan di peringkat entiti serta boleh dicapai pada bila-bila masa yang perlu.</p>

		Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat perlu meneruskan dengan menyerah simpan maklumat pemunyaan benefisial sebagai sebahagian daripada penyata tahunan seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Syarikat 2016.
6	Apakah tanggungjawab syarikat/perkongsian liabiliti terhad selepas perlanjutan tempoh peralihan tamat?	Syarikat dan perkongsian liabiliti terhad perlu mematuhi kerangka pelaporan pemunyaan benefisial termasuklah menyerah simpan maklumat tersebut kepada Pendaftar sekiranya terdapat perubahan maklumat.
7	Adakah terdapat sebarang pindaan kepada 'Guideline for The Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons' sedia ada?	Pindaan-pindaan yang dibuat kepada Garis Panduan sedia ada adalah berkaitan perlanjutan tempoh peralihan sahaja. Sila rujuk pautan berikut di laman sesawang SSM untuk Garis Panduan yang telah dipinda: Kerangka Undang-Undang/Akta Syarikat 2016/Garis Panduan